



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 25 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	SABAH PARTIES IN A TUSSELE OVER USING ONE OR MORE LOGOS, NATION, THE STAR -6 GALAKAN CEBURI SEKTOR 3D, NASIONAL, SH -5 AGROPRENEUR MUDA DISARAN MAJUKAN INDUSTRI PERTANIAN, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	MAQIS RAMPAS 26 TAN METRIK AYAM SEJUK BEKU, DALAM NEGERI, UM-31	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5. 6.	TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN GUNA IR4.0, GAYA TANI, UM -24 TEKNOLOGI PERTANIAN TEPAT TINGKAT HASIL PERTANIAN, GAYA TANI, UM -25	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	NELAYAN RUGI AKIBAT NAMA LOKASI PKPD, NASIONAL, BH -27 KUALA SANGLANG, KEDAH TAK TERBABIT TEMCOI, LOKAL, HM -8 'MACAM MANA NAK JUAL PADI', DALAM NEGERI, UM -6 BERTANI HANYA IKUT TREND?, FORUM, UM -19 OPERASI PEMUTIHAN TANAM TANAMAN DURIAN DITANGANI SECARA TIMBANG RASA, PAHANG/SELANGOR/KL, SH -24 FCAV PACU INDUSTRI PERTANIAN DI PERLIS, BISNES SINAR, SH -31 ISU CEROBOK TANAH TANAM DURIAN DISELESAI BERHEMAMAH, LOKAL, HM -22 40 TAHUN TAK SELESAI LAGI, LOKAL, HM -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Sabah parties in a tussle over using one or more logos

By MUGUNTAN VANAR, STEPHANIE LEE, TARENCE TAN and KRISTY INUS  
newsdesk@thestar.com.my

A BURNING question among Sabah parties on both sides of the divide is whether they can agree on using a common logo in the upcoming state elections.

The incumbent ruling Parti Warisan Sabah (Warisan) Plus coalition is "coaxing" its partners to use its "lepa lepa" (indigenous ship) symbol for all its candidates from Upko, DAP and PKR.

Meanwhile, the main state opposition parties - three-party Barisan Nasional, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Sabah STAR and Parti Bersatu Sabah (PBS) - are looking at using the more familiar "dacing", as the Barisan's scale symbol is called.

There have been calls from many of these parties for one symbol to be used by their respective alliances.

Some have noted that a single symbol would provide a collective focus to their respective stands.

On the Warisan Plus side, its partner Upko indicated that they were keen to contest on their own symbol, while local Sabah PKR and Sabah DAP were keeping their options open.

For the opposition, PBS has said it will use its own handshake symbol, while Sabah Barisan under Datuk Seri Bung Moktar Radin is asking other partners to use one logo.

Analysts are divided over the use of a single logo. Some noted that using different symbols in different constituencies could be a strategic move, while others are saying a single logo may provide some clarity to voters when casting their ballots.

Merdeka Centre programme director Ibrahim Sufhan said the popularity of logos is subjective to the constituents, as some parties



Hard at work: Agriculture and Food Industries Minister and Bersatu member Datuk Seri Dr Ronald Khandee (centre) taking part in an agricultural project in Kampung Lumou in Telupid, Sabah. - Bernama

were formed to contest in specific areas and had achieved brand recognition from their respective audiences.

"Perhaps the Warisan logo is better accepted as it is a Sabah-based party and clearly identifies with Datuk Seri Shafie Apdal. However, there are voters who are more familiar with the DAP or PKR logo in different parts of the state," he said.

Ibrahim added that the PBS' handshake symbol might serve as an advantage as it is recognised by older voters in Sabah.

Singapore Institute of International Affairs senior fellow Dr Oh Ee Sun said it was inevitable that contesting parties would prefer to use

their own logo, thus potentially causing confusion among voters.

He added that many candidates and independents are expected to join the fray.

"Nevertheless, this is also a political reality that each party will have to grapple with as they jostle for winnable seats to contest, with the ardent hope of having a seat at the winners' table to negotiate the political spoils.

"It is therefore doubly important for both sides to clearly identify and introduce their component parties' logos in prominent slates to the voters," he said.

Oh also said the popularity of PKR, Warisan and DAP's respective logos would differ

according to different constituencies.

"For urban Chinese constituencies, the rocket trumps all. For the coastal areas, the sailing ship (Warisan) and for the interior, perhaps the blue eye (PKR).

"In some constituencies, one logo is more prominent than the others. We are not talking about acceptability here, just popularity." Oh added.

Universiti Malaya political analyst Prof Dr Awang Azman Awang Pawi said the insistence by parties from both sides of the political divide to use their own logo was an attempt to prove their party's strength to grassroots members.

"The use of a single logo can unite them to face a common enemy but in their respective context, all of them said their own logo has more impact on voters," he said.

He also said the rise in tribal and ethnic politics was a factor that made PBS and Upko decide to use their own logo.

"As the world globalises, ethnic and tribal sentiments are becoming stronger even though Upko hasn't used its logo since 1994," Prof Awang Azman added.

Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) political analyst Assoc Prof Dr Jeniri Amir said the most important issue that political parties should resolve now isn't about the logos, but their ability to compromise on seat allocation.

"Sabah is a very big and complex state. To come up with a common logo in such a short span of time is not that easy as a lot of complexities are involved.

"To me, what matters is the ability to come up with a united front and good manifesto, and to convince the people that they are political entities that can be depended on," he said.

Sabah will hold its 16th state elections on Sept 26, while nominations have been set for Sept 12.

# Galakan ceburi sektor 3D

MAFI beri sokongan, sedia pelbagai inisiatif untuk golongan muda

Oleh NOOR ALNON MOHAMED YUSOF

GOPENG

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan golongan muda menceburi sektor agromakanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, program Agropreneur Muda merupakan satu inisiatif Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi membantu mereka yang mahu terlibat dalam tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan dan agro pelancongan.

Menurutnya, Geran Agropreneur Muda (GAM) yang dimulakan sejak tahun 2016 berjaya membantu 6,005 orang agropreneur muda membabitkan nilai RM104.35 juta.

"Kementerian sentiasa memberi sokongan kepada anak muda dengan memberi bantuan dan motivasi untuk mereka menceburi sektor agromakanan yang berjaya memberi pulangan yang lumayan."

"Bidang agromakanan kurang menarik minat anak muda kerana melihat ia sebagai sektor 3D - sukar, kotor dan berbahaya. Namun, sebenarnya sektor ini adalah sumber kekayaan negara," katanya selepas merasmikan Jelajah Agropreneur Muda Perak di Pusat Trans-



Che Abdullah menanam pokok nenas ketika tinjauan mesranya di projek tanaman nenas MD2 yang diusahakan oleh Muhamad Faris (Jiri).



Ruzaidi mengusahakan kerepek Bawang Chips di PPK Tapah.

formasi Luar Bandar Gopeng di sini semalam.

Che Abdullah berkata, sejumlah RM7.63 juta geran telah disalurkan kepada 380 peserta Agropreneur Muda yang mengusahakan tanaman antaranya nenas, fertigasi cili, jagung dan cendawan.

"Bidang perikanan tidak rugi diceburi apabila RM1.2 juta geran disalurkan kepada 61 penternak ikan yang mendapat bantuan pembinaan kolam, makanan ikan, anak benih dan infrastruktur ternakan ikan. Ia termasuk nelayan muda."

"Kementerian turut menyalurkan geran berjumlah RM9.24 juta dalam sektor ternakan. Bantuan ini merangkumi pembinaan kandang, reban serta input ternakan seperti anak lembu, biri-biri, ayam, itik dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, MAFI telah memperuntukkan RM20 juta bagi memba-

ngunkan seramai 1,200 orang agropreneur muda tahun ini.

"Bagi Fasa 1, seramai 238 pemohon telah diluluskan GAM dengan nilai RM4.01 juta," katanya.

GAM menyediakan bantuan berjumlah RM20,000 telah berjaya membantu 1,127 peserta di Perak dengan nilai RM21.27 juta.

## Pusat pemasaran

Ketika menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Arena Peladang Tapah di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tapah, Che Abdullah memaklumkan, peruntukan sebanyak RM110,000 disalurkan bagi membangunkan arena peladang di bawah program Peningkatan Mobalikasi dan Logistik Bahan Makan-

an. "Pembangunan ini bertujuan sebagai pusat pemasaran setempat bagi hasil-hasil pertanian."

"Ia juga mampu memberi peluang perniagaan yang baharu kepada penduduk setempat bagi menjana pendapatan bersama PPK," katanya yang turut melakukan tinjauan mesra dan melawat projek tanaman nenas MD2 diusahakan Agropreneur Muda, Muhamad Faris Mohd Fozi, 23 di Kampung Kepyang, Simpang Pulai di sini.

Sementara itu, Muhamad Faris berkata, beliau berjaya memperoleh pendapatan antara RM50,000 setahun menerusi sektor pertanian yang diceburinya pada tahun 2018 ini.

"Geran RM20,000 yang baru diterima dapat meringankan beban saya dari segi pembekalan baja dan racun untuk lebih 50,000 pokok nenas jenis MD2 dan crystal honey."

"Jelajah Agropreneur Muda di bawah MAFI telah membantu terutama ketika di awal pembabitatan projek ini," katanya yang turut mendapat bimbingan daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Perak.

Bagi usahawan kerepek Bawang Chips, Ruzaidi Arshad@Azit, 40, GAM yang diterimanya dua tahun lalu menjadi pemangkin utama untuknya mengorak langkah lebih jauh dalam penghasilan kerepek resipi ibunya.

"Bantuan daripada MAFI membolehkan saya menghasilkan 100 pekset kerepek bawang setiap kali dihasilkan sekali gus berjaya memenuhi permintaan pelanggan terutama pada musim perayaan."

"Di awal penghasilan saya tidak tahu mengenai GAM sehinggalah PPK memperkenalkannya dan sejak itu saya lebih serius untuk mengusahakan projek ini," katanya yang memperoleh pendapatan sebanyak RM40,000 setahun.



Che Abdullah turut menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Arena Peladang Tapah.



Muhamad Faris menunjukkan nenas jenis Crystal honey dan MD2 yang diusahakannya di Kampung Kepyang, Simpang Pulai.

# Agropreneur muda disaran majukan industri pertanian

**GOPENG** – Penglibatan golongan muda dalam industri agrotani adalah perlu seiring dengan kepesatan teknologi baharu termasuklah penggunaan platform pemasaran digital.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kreativiti golongan itu misalnya telah membantu memacu pemasaran produk pertanian semasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan baru-baru ini.

Menurut beliau, ini kerana, ia adalah bentuk pemasaran masa kini yang seiring dengan gaya hidup semasa menerusi penggunaan laman sosial seperti Twitter, Facebook dan Instagram.

"Pembabitian generasi muda dalam bidang pertanian juga perlu dilihat di luar skop dan sistem pertanian konvensional apabila mereka berminat untuk meneroka sumber makanan baharu.

"Jika dahulu sektor pertanian dipandang sebagai menyusahkan dan kotor, tetapi kini ia menjadi sumber ekonomi bernilai tinggi," ujarnya kepada pembertitama selepas merasmikan Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) Negeri Perak 2020 Ber-



**CHE Abdullah (kanan) melawat ladang Projek Tanaman Nanas MID2 di Slimpang Pulai semalam.**

dasarkan Norma Bahru di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini semalam.

Che Abdullah memberitahu, program JAM misalnya merupakan inisiatif Kementerian turun padang bertemu golongan muda yang terbabit dalam industri itu serta kumpulan sasaran.

Katanya, sejak diperkenalkan pada tahun 2016, seramai 6,005

agropreneur muda telah mendapat bantuan geran berjumlah RM104.35 juta.

"Tri termasuk 1,127 usahawan tani di Perak membabitkan bantuan sebanyak RM21.27 juta," jelasnya.

Che Abdullah menambah, pada tahun ini seramai 17 menerima geran berjumlah RM333,600.

25/8/2020

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

# Maqis rampas 26 tan metrik ayam sejuk beku

**PADANG BESAR:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri merampas sebanyak 26 tan metrik atau 26,000 kilogram ayam sejuk beku dianggarkan bernilai RM170,000 di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, Rabu lalu.

Pengarah Maqis negeri, Mohamad Arshad Raffin berkata, pihaknya menahan sebuah kontena yang membawa ayam sejuk beku tersebut kira-kira pukul 3 petang di unit kargo ICQS terbabit.

"Hasil pemeriksaan mendapati kontena tersebut membawa keratan ayam sejuk beku seberat 26,000 kilogram dengan anggaran bernilai RM170,601.60.

"Barang dagangan tersebut

ditahan kerana kita mendapati dokumen sijil kesihatan dari negara pengeksport yang dikemukakan itu tidak tepat dan mengelirukan ketika pemeriksaan dijalankan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohamad Arshad berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kita sentiasa bersedia-siaga dan sentiasa memastikan setiap keluaran pertanian yang diimport ke Malaysia bersih, selamat dan halal untuk dimakan," katanya.



**KONTENA** yang ditahan membawa ayam sejuk beku dianggarkan bernilai RM170,000 di ICQS, Padang Besar, Perlis, Rabu lalu.

# Transformasi sektor pertanian guna IR4.0

Oleh DR. JASMIN ARIF SHAH

**S**UDAH sampai masanya sektor pertanian di negara ini ditransformasi berdasarkan perkembangan teknologi sedia ada khususnya Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0)

Dengan penularan Covid-19 yang melanda dunia menyebabkan sektor pertanian mengalami kerugian besar, kos operasi tinggi dan gangguan rantaian bekalan makanan bukan sahaja di Malaysia malah di Amerika Syarikat. Maka sektor ini wajar memanfaatkan semua teknologi yang memungkinkan pertanian berskala besar ditransformasikan dengan aplikasi yang ditawarkan menerusi IR4.0

Perlu diingat, sektor pertanian merupakan penyumbang utama kepada kelangsungan ekonomi negara seperti yang ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (2011-2020). Tujuh Hala Tuju Strategi dalam dasar tersebut menunjukkan pentingnya peranan komunikasi dalam pertanian.

Kerajaan telah menetapkan sasaran mentransformasikan sektor pertanian selaras perkembangan IR 4.0. Ini disokong menerusi inisiatif kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu golongan pengeluar makanan agar celik maklumat dan teknologi.



**MENGURUS** ladang menggunakan aplikasi khas yang dipasang pada telefon pintar.

Salah satu mekanisme penting bagi menentukan kejayaan sektor pertanian adalah menerusi khidmat pengembangan yang disediakan oleh kerajaan dengan kerjasama petani kerana golongan terbitat masih terlalu bergantung kepada perkhidmatan tersebut.

Khidmat pengembangan adalah proses pendidikan bukan formal yang dirancang secara sistematik untuk membawa perubahan kepada petani.

Pengembangan menghubungkan secara bersepadu tiga kumpulan utama iaitu penyelidik (pusat ilmu) dengan ejen pengembangan jabatan atau agensi kerajaan dan petani menerusi dua peranan iaitu pemindahan teknologi dan pembangunan sumber manusia.

Kejayaan pengembangan pula amatlah bergantung kepada komunikasi berkesan dalam kalangan tiga kumpulan yang disebutkan itu. Komunikasi menjadi medium penting dalam menyampaikan informasi dan teknologi pertanian kepada petani serta mendapat maklumbalas.

Ejen pengembangan merupakan pekerja barisan hadapan untuk membantu petani. Mereka perlu berfungsi sebagai pemangkin, pembantu proses, pemberi penyelesaian masalah dan penguhubung sumber kepada petani.

Peranan ejen pengembangan dalam khidmat pengembangan dan komunikasi amat penting bagi memastikan industri ini kekal signifikan dalam pertumbuhan ekonomi negara, menjamin bekalan makanan, mampan serta melahirkan petani bestari dan



**PERANAN** efektif ejen pengembangan pertanian yang menggunakan teknologi pertanian di negara kita lebih berdaya maju.

berinformasi.

Komunikasi efektif penting dalam pertanian bagi memastikan maklumat berkaitan pertanian dapat disampaikan dengan tepat dan cepat seterusnya dapat meyakinkan petani.

Kepentingan komunikasi dalam khidmat pengembangan bukan sahaja untuk menyalurkan maklumat dan teknologi malah membangunkan keupayaan serta membawa perubahan kepada petani.

Jika sebelum ini, petani didedahkan dengan sistem

tanaman tradisional, kini ejen pengembangan perlu melakukan anjakan paradigma dengan menyuntik inovasi baharu dalam sistem pengembangan.

Menggunakan teknologi komunikasi terkini seperti penggunaan Internet Segala Benda (IoT) dalam pertanian, pertanian pintar, pertanian vertikal, penggunaan varieti benih baharu, sistem perniagaan elektronik (e-dagang).

Sebagai contoh ketika penguatkuasaan Perintah



**PENGUNAAN** droi dalam pertanian semakin meluas dan menarik perhatian pesawah khususnya golongan muda.





...i terkini akan menjadikan bidang

Kawalan Pergerakan (PKP), ejen pengembangan tidak dapat menjalankan tugas seperti biasa turun ke lapangan untuk memantau perkembangan.

Petani perlu dihubungi setiap masa untuk membantu mereka dalam teknologi pertanian dan meningkatkan motivasi dalam melalui krisis ini.

Mereka perlu meneruskan khidmat nasihat dengan kemudahan terkini seperti WhatsApp. Mereka boleh menggunakan teknologi sidang video menggunakan telefon pintar untuk berkomunikasi dengan petani.

Ketika ini, ejen pengembangan perlu segera membantu petani secara holistik termasuk aktiviti pilihan dan hiliran dengan menghubungkan semua pemegang taruh dalam rantaian bekalan makanan



**PERTANIAN** tegak atau vertikal lebih bersih dan selamat serta mesra alam.

dengan menggunakan kemudahan teknologi komunikasi sedia ada.

Petani memerlukan maklumat pemasaran dan pemborong terutamanya produk segar, bekalan input dan baja, pengangkutan, penggunaan dan tenaga buruh yang terhad konsep-dagang adalah antara medium yang boleh digunakan.

Kejayaan dapat dipertingkatkan melalui kerjasama strategi antara ejen pengembangan daripada pelbagai agensi berkaitan pertanian untuk berkongsi kepakaran serta dapat membincangkan isu yang membelenggu dan memberi input kejayaan daripada agensi masing-masing.

Penulis ialah Pensyarah Kanan (Komunikasi Pengembangan), Jabatan Teknologi Pertanian, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia

## Teknologi pertanian tepat tingkat hasil pertanian

Oleh **DR. HAIRULNIZAM MAHIDIN**

PADA tahun 2050 dijangka populasi dunia akan meningkat sebanyak 9.8 bilion dan keperluan makanan dunia pada waktu itu dijangka akan meningkat sehingga 70 peratus. Justeru kaedah pertanian sedia ada sekarang tidak mampu memenuhi peningkatan keperluan makanan ini.

Di dalam negara pula, kita masih perlu mengimport sebanyak 30 peratus bekalan beras untuk mencukupkan keperluan tempatan. Sekiranya berlaku bencana alam yang tidak diingini seperti serangan belalang juta di India ia boleh menjejaskan bekalan import negara.

Teknologi yang hangat diperkatakan untuk mengatasi masalah ini ialah kaedah pertanian tepat yang tercetus daripada fenomena Internet Segala Benda (IoT).

IoT digolongkan dalam teknologi yang menimbulkan gangguan kerana ia akan merubah norma proses biasa kepada norma yang baharu. Kaedah pertanian tepat ini menggunakan gabungan teknologi untuk mengukur dengan tepat bagi setiap proses pertanian bagi memastikan setiap sumber digunakan dengan optimum. Ini bermakna sumber-sumber yang digunakan adalah dalam keadaan berkadar boleh ubah dan bukannya berkadaran tetap.

Teknologi yang digunakan termasuklah Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS), sensor, dron, kecerdasan buatan (AI) dan robotik. Dengan mengetahui kadar kelembapan tanah, petani dapat mengetahui kadar air yang diperlukan oleh tanaman mereka. Begitu juga dengan kadar klorofil dan penyakit pokok.

Baja dan racun dapat digunakan dengan sewajarnya di kawasan yang memerlukan. Contoh penggunaan sensor pula boleh mengukur tahap keasidan dan kealkalian tanah. Teknologi-teknologi ini dapat melakukan kerja manual dengan lebih cepat dan tepat.

Projek perintis teknologi Pertanian Tepat oleh MARDI di kawasan sawah padi di Kedah dan Perak menunjukkan penjimatan penggunaan



**BARISAN** penyelidik UTHM yang menjalankan kajian bagi mengesan haiwan perosak dan penyakit padi.

baja sehingga 25 peratus sehektar dan kos operasi buruh dapat dikurangkan sehingga 50 peratus Ia juga dapat mengoptimumkan pengeluaran hasil padi.

Pertanian Tepat ini dapat membantu masalah global yang dihadapi oleh para petani. Ini termasuklah kekurangan sumber air, variasi cuaca yang tidak menentu, kos tenaga yang semakin meningkat dan kekurangan sumber tanah. Terdapat juga desakan masyarakat yang inginkan proses penghasilan produk pertanian menjadi lebih telus.

Dengan kaedah pertanian tepat, semua data yang diperlukan untuk menyelesaikan permasalahan ini dapat dijana secara automatik. Penggunaan air yang berlebihan dapat dikurangkan dan hasil dapat ditingkatkan walaupun menggunakan luas kawasan yang sama. Kecanggihan teknologi membolehkan serangga yang menyerang tanaman dikesan dari jarak ketinggian 65 meter dan hanya kawasan yang terjejas yang perlu disembur racun serangga perosak.

Data-data tersedia ini dapat dihidangkan kepada pengguna pada masa nyata untuk menunjukkan hasil pertanian adalah mengikuti piawalan keselamatan yang ditetapkan.

Teknologi pertanian tepat ini hadir kerana wujudnya gabungan teknologi yang menyokong antara satu sama lain. Kecerdasan buatan

dapat menganalisa imej-imej yang diambil oleh dron bagi membantu sistem membuat keputusan.

Imej-imej ini pula disokong dengan data-data dari sensor yang dipasang di ladang pertanian atau temakan. Dron dan jentera pembajak pula dapat bergerak dengan cekap menggunakan teknologi Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS). Semua ini pula dihubungkan melalui Internet dan membolehkan pemilik ladang membuat kawalan di telefon bimbit.

Gabungan teknologi ini membolehkan satu sistem automasi dilakukan daripada fasa pertama pengemburan tanah sehingga ke fasa akhir sehingga kerja-kerja penuaian.

Di Malaysia, pertanian tepat masih belum diterokai sepenuhnya. Kebanyakan usaha adalah di peringkat penyelidikan ataupun projek perintis yang dijalankan agensi kerajaan berkaitan pertanian dan universiti tempatan. Antara faktor penghalang ialah kos permulaan yang besar dan kita juga masih kekurangan pakar dalam bidang ini.

Teknologi sedia ada pula selain mahal ia juga perlu disesuaikan terlebih dahulu dengan tanaman tempatan seperti sawit, getah, padi dan nanas.

Penulis ialah Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

# Nelayan rugi akibat nama lokasi PKPD

Peniaga di Kuala Sanglang, Kedah terima tempias dianggap kawasan wabak

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnewsA@bh.com.my

**Kubang Pasu:** Kira-kira 300 nelayan dan peniaga terjejas berikutan salah faham lokasi pelaksaan Perintah Kawalan Pergerakan Dipertingkatkan (PKPD) Semasa Pentadbiran di Kuala Sanglang, Perlis pada 8 Ogos lalu.

K keadaan itu menyebabkan nelayan dan peniaga di Kuala Sanglang, Kedah menerima tempias

apabila ketiadaan pelanggan. Nelayan Kuala Sanglang, Kedah, Mohd Zuker Ramli, 49, berkata, keadaan itu menyebabkan harga ikan kembang jatuh sehingga RM7 sekilogram berbanding RM7 sekilogram sebelum ini. Katanya, banyak hasil laut tidak laku menyebabkan nelayan menjualnya ke pasar borong di Alor Setar atau bawa pulang untuk kegunaan sendiri.

"Pendapatan kami terjejas teruk sehingga ada yang terpaksa melakukan pelbagai kerja sampingan bagi menampung perbelanjaan harian keluarga," katanya.

Bagi pengusaha restoran, Roaini Don, 46, pula perniagaannya terjejas kerana tiada pelanggan sejak pengumuman PKPD secara pentadbiran di Kuala Sanglang, Perlis.



Nelayan Kuala Sanglang, Kedah terjejas akibat salah faham lokasi PKPD yang dilaksanakan di Kuala Sanglang, Perlis sejak 8 Ogos lalu. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

**Mungkin pelanggan keliru antara Kuala Sanglang, Kedah dan Kuala Sanglang, Perlis.**

Roaini Don,  
Pengusaha restoran

"Mungkin pelanggan keliru antara Kuala Sanglang, Kedah dan Kuala Sanglang, Perlis. Kami berada di sebelah Kedah dan tiada kes COVID-19 di sini. Bahkan kami tidak termasuk dalam kawasan PKPD.

"Situasi ini berlarutan hampir tiga minggu," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Si-

puteh, Dr Salmee Said, berharap orang ramai terutama yang berada di luar kawasan itu tidak menganggap Kuala Sanglang, Kedah sebagai tempat berbahaya.

Katanya, kawasan terbabit tidak merekodkan kes positif COVID-19, malah individu yang melakukan saringan juga negatif dan sudah tamat tempoh kuarantin.



25/8/2020

HARIAN  
METRO

LOKAL

8

**Kubang Pasu:** Kira-kira 300 nelayan dan peniaga terjejas berikutan salah faham lokasi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Dipertetapan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) di Kuala Sanglang, Perlis pada 8 Ogos lalu.

Kedaaan itu menyebabkan nelayan dan peniaga di Kuala Sanglang, Kedah menenerima tempas apabila ketiadaa pelanggan.

Nelayan Kuala Sanglang, Kedah, Mohd Zuker Ramli, 49, berkata, keadaan itu menyebabkan harga ikan kembung jatuh sehingga RM2 sekilogram berbanding RM7 sekilogram sebelum ini.

Katanya, banyak hasil laut tidak habis dijual menyebabkan

## Kuala Sanglang, Kedah tak terbabit Temco!



ABD Razak Ahmad memuatkan hasil ikan didaratkan yang belum terjual di Kuala Sanglang, Kubang Pasu, semalam.

kan nelayan menjualnya ke pasar borong di Alor Setar atau bawa pulang untuk kegunaan sendiri.

"Pendapatan kami terjejas teruk hingga ada yang terpaksa melakukan pelbagai kerja sampingan bagi menampung perbelanjaan harian keluarga," katanya.

Bagi pengusaha restoran, Rosaini Don, 48, perniagaannya terjejas kerana pelanggan tidak berani berkumpul ke premisnya sejak pengumuman Temco di Kuala Sanglang, Perlis.

"Mungkin pelanggan ke-liru antara Kuala Sanglang, Kedah dan Kuala Sanglang,

Perlis. Kami berada di sebelah Kedah dan tiada kes Covid-19 di sini. Babkan kami tidak termasuk dalam kawasan Temco.

"Situasi ini berlarutan hampir tiga minggu," katanya.

Sementara itu, Abli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Siputeh, Dr Salme Said berharap orang ramai terutama yang berada di luar kawasan ini tidak mengangap Kuala Sanglang, Kedah sebagai kawasan yang berbahaya.

Katanya, kawasan terbabit tidak merekodkan kes positif Covid-19 malah individu yang melakukan saringan juga negatif dan sudah tamat tempoh kuarantin.

# 'Macam mana nak jual padi'

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Para pesawah dari Kuala Sanglang dan Simpang Empat di sini runding berikutan kilang beras di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco), masih tidak dibenarkan beroperasi, sekali gus tidak dapat membeli hasil tuai mereka.

Pesawah dari Sungai Padang, Kuala Sanglang, Ismail Sawai, 67, berkata, dalam tempoh dua hari lagi padi yang diusahakan di kawasan seluas hampir sembilan hektar sudah boleh dituai.

Katanya, lazimnya setiap musim dia menjual lebih 300 tan padi di salah sebuah kilang milik Dibuk Sdn. Bhd.

"Saya bimbang apabila kilang beras tidak dibenarkan beroperasi. Kalau dibiarkan ter-lalu lama, padi akan rosak.

"Jika hasil padi tidak terjual, saya berdepan risiko kerugian lebih RM80,000. Saya berharap kilang tersebut diberi kelonggaran beroperasi lebih awal iaitu sebelum tarikh Temco berakhir 31 Ogos ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan, dianggarkan kira-kira 3,000 pesawah dari Kuala Sanglang dan Simpang Empat di sini resah berikutan kilang



**PADI yang sudah masak dan sedia untuik dituai di kawasan Kuala Sanglang. Perlis namun kilang beras di kawasan tersebut masih tidak dibenarkan beroperasi.**

beras tidak dapat membeli hasil tuai mereka kerana terletak di kawasan Temco.

Kira-kira 7,000 tan metrik hasil padi akan diproses di salah sebuah kilang milik Dibuk di Kuala Sanglang dengan hasil di kawasan tersebut sudah boleh dituai ketika ini.

Seorang lagi pesawah dari Sungai Baru, Hassan Pin, 54, turut berharap pihak berkuasa memberi kelonggaran kepada kilang tersebut.

"Kebanyakan pesawah di sini menjual hasil kepada Dibuk yang memberi banyak potongan dan keistimewaan lain. Jika tidak beroperasi terpaksa kami jual hasil di kilang lain yang terletak di luar kawasan. Saya rasa, urusan pengambilan padi ini tidak melibatkan ramai orang yang boleh mengundang pemularan Covid-19," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Dibuk, Marzuki Othman,

berkata, dia sudah memohon dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) namun permintaannya tidak dihuluskan.

"Kami juga perkhidmatan perlu dan diharap MKN dapat beri kelonggaran.

"Lagipun, ujian saringan Covid-19 terhadap penduduk Kuala Sanglang dan Tanah Timbul sudah disahkan negatif. Sekali lagi saya berharap pihak berkaitan dapat memberi kelonggaran ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19

# Bertani hanya ikut trend?

## SAUDARA PENGARANG,

**SEJAK** pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, ramai dalam kalangan kita mula berjinak-jinak mengusahakan pelbagai jenis tanaman. Ramai memuat naik aktiviti menanam dalam media sosial. Ramai juga yang menyertai kumpulan-kumpulan berkaitan aktiviti bercucuk tanam yang diwujudkan dalam media sosial. Aktiviti sebegini bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan emosi, malah boleh mendatangkan hasil.

Namun begitu, setelah kerajaan melonggarkan PKP, banyak industri sudah mula beroperasi semula dan ramai juga sudah mula bekerja. Timbul persoalan, apa sudah jadi dengan tanaman sepanjang tempoh PKP tersebut? Bagi mereka yang masih meneruskan aktiviti ini, tahniah diucapkan.

Bagaimana pula dengan mereka yang langsung tidak mempunyai masa untuk meneruskannya? Bagaimana mereka menguruskan tanaman dalam pasu atau di laman rumah atau di kebun kecil? Adakah tanaman itu terus dibiarkan sambil mengharap hujan turun agar tidak layu?

Atau adakah dibiarkan sahaja menunggu masa untuk layu, kering dan akhirnya mati?

Jika dahulu ramai yang ghairah membeli peralatan pertanian, sekarang semuanya terbiar sepi tidak diurus. Akhirnya menjadi suatu pembaziran pula.

Jika semasa PKP kita bercucuk tanam untuk mengelakkan tekanan atau mengurangkan bosan, maka apakah salahnya jika kita teruskan sahaja aktiviti tersebut walaupun kita telah mula bekerja. Luangkanlah masa walau hanya satu jam untuk kita membela tanaman kita. Bercucuk tanam sememangnya antara aktiviti yang boleh mengurangkan tekanan semasa bekerja.

Justeru, saya menyeru kepada anda semua yang mungkin berada dalam kategori di atas untuk merenung kembali tindakan kita. Tumbuhan merupakan makhluk Allah yang apabila ditanam, bukan sahaja mendapat pahala, malahan juga membantu untuk menambah kandungan oksigen dalam udara kita.

**NORINTAN WAHAB**

Pensyarah Kanan UiTM Johor

25/8/2020

SINAR

SELANGOR/

24

HARIAN

PAHANG/KL

## Operasi pemutihan tanah tanaman durian ditangani secara timbang rasa

**KUANTAN** - Kerajaan negeri tetap berimbang rasa melaksanakan operasi pemutihan terhadap pekebun yang menanam durian musang king secara haram termasuk menceroboh hutan simpan di Kampung Sungai Ruan dan Kampung Chalit, Raub.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak berkata, kerajaan negeri bertindak mengikut undang-undang tanpa merampas tanaman berkeajaan namun pendekatan lebih baik perlu diambil bagi menyelesaikan masalah itu.

"Kita cuba mengambil pendekatan berhemah namun kita tidak dapat memuassakan hati semua pihak.

"Jadi, kita meminta isu ini diambil alih oleh anak syarikat negeri, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP) dan menyelesaikan isu pencerobohan tanah terbabit," katanya.



**MOHD SOFFI**

nya semasa menjawab soalan tambahan Lee Chin Chen (PH-Bilut) yang ingin tahu sama ada perancangan dilakukan dengan penanam Musang King di Raub berhubung operasi pemutihan itu pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pahang ke-14 di Wisma Sri Pahang semalam.

Beliau berkata, pencerobohan tanah di kawasan itu berlaku sejak sekian lama dan individu terlibat itu juga telah mendapat hasil selama berbelas tahun tanpa gangguan daripada pihak berkuasa.

Katanya, tindakan itu menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri dan menggalakkan penceroboh lain meneroka tanah kerajaan.

"Kita ada undang-undang, kalau hendak terokai tanah boleh buat permohonan dengan kerajaan tetapi bukannya dengan menceroboh," katanya.



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL

25/8/2020

SINAR  
HARIAN

BISNES SINAR

S1

## FCAV pacu industri pertanian di Perlis

FGV Holdings Berhad (FGV) memberi peluang kepada 15 agropreneur anak tempatan untuk memajukan tanaman nanas MD2 di bawah projek FGV Chuping Agro Valley (FCAV) di Perlis.

FGV menjelaskan, pihaknya memperuntukkan kawasan ladang kontrak seluas 150 ekar untuk penanaman serta menyasarkan 4,000 metrik tan penghasilan buah nanas MD2 setahun dengan nilai hasil jualan RM12 juta.

"Projek FCAV merangkumi empat segmen utama iaitu ladang kontrak nanas MD2, ladang ubi kayu komersial, ladang mangga harumanis dan lembah tenusu.

"Ta turut menempatkan kilang makanan ternakan haiwan, kom-

pleks perumahan pekerja dan pusat penyelidikan kelapa sawit," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

FGV berkata, FCAV bakal dibangunkan mengikut jadual setelah FGV menandatangani memorandum kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) pada majlis Komitmen Pelaburan di Negeri Perlis bersama Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man di Perlis baru-baru ini.

Projek FCAV yang mengambil masa dua tahun itu dijangka membawa perubahan besar kepada landskap industri pertanian di Perlis kerana menggunakan pendekatan Revolusi Industri 4.0.

Ketua Pegawai  
Eksekutif NCIA, Datuk  
Seri Jebasingam Issace  
John (kiri), Azlan dan  
Ketua Pertanian  
Bersepadu FGV, Abdul  
Razak Aya (dua dari  
kanan) pada majlis  
menandatangani  
memorandum  
kerjasama dengan NCIA  
di Perlis baru-baru ini.



**SIDANG DUN PAHANG****Isu ceroboh tanah tanam durian diselesaikan berhemah**

**Kuantan:** Operasi pemuliharaan tanah dalam kegiatan pencerobohan bagi menanami durian Musang King di Pahang dilakukan secara bertimbang rasa supaya aktiviti itu termasuk di hutan simpan tidak berlaku sewenang-wenangnya.

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Industri Asas Tani dan Bioekonomi negeri Darul Seri Mahad Soffi Abd Razak** berkata, pencerobohan tanah berkenaan berlaku sejak sekian lama dan individu terbabit juga mendapat hasil selama belasan tahun tanpa diganggu-gugat.

"Tindakan itu menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri dan mewujudkan suasana tidak sihat seperti menggalakkan orang lain ceroboh dan teroka tanah kerajaan, sedangkan kita ada undang-undang."

"Kerajaan negeri boleh memusnahkan tanaman itu seperti dibenarkan undang-undang, namun kami mencari pendekatan lebih baik iaitu diambil alih

anak syarikat negeri, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP) dan perbincangan dilakukan dengan pihak terbabit," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pahang di Wisma Sri Pahang di sini, semalam.

Mohd Soffi berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Lee Chia Chien (PH-Bilut)** yang ingin tahu sama ada perbincangan dilakukan dengan penanam Musang King di Kaub berhubung operasi pemuliharaan itu.


Mohd Soffi turut memohon Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pahang termasuk pembangkang memasuki usaha kerajaan negeri membantaras isu pencerobohan tanah baharu yang membawa kebukrukan, dengan memberi penjelasan tepat kepada rakyat.

"Saya tahu dalam isu Musang King wujud kumpulan yang membantah jangan jatikan pencerobohan kebiasaan. Jika mahuisi borang dan mohon dengan kerajaan, jika tak mohon, kerajaan perlu ambil tindakan dan ini merugikan. Kami cuba ambil pendekatan berhemah, namun ia tidak dapat memuaskan hati semua pihak," katanya.

Mengulas inisiatif pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengawal penjualan durian tidak berlesen, Mohd Soffi berkata, pihak terbabit menyediakan tapak khas sementara dengan bayaran permit minimum termasuk jualan di tepi jalan dengan pemuliharaan lokasi setempat. - Bernama



MOHD SOFFI



KEAGAMAAN Sungai Kereh di Kampung Melayu, kecil, sejak beroperasi dalam pembangunan sejak 1980.

## Penduduk kecewa penternak babi masih degil, tak ikut syarat

Oleh Nur Izzati Mohamad  
am@hmetro.com.my

### Teseh Celagar

Kira-kira 1,000 penduduk di beberapa kampung berhampiran di Sungai Kereh di sini, menghidu bau najis ladang ternakan babi berdekatan.

Masalah berlarutan hampir 40 tahun itu belum diselesaikan walaupun kerajaan negeri memperkenalkan Enakmen Penternakan Babi 2016.

Penduduk, Mohd Fiqree Zaimuddin, 33, berkata, ramai penduduk meluahkan ketidakselesaan itu dan mengadu dari peringkat bawah hingga atas.

"Tetapi keadaan tidak berubah hingga kami penat serta kali kerana tiada sebarang tindakan diambil. Lebih baik tutup saja punca air yang mengalirkan najis berbanding membasmi

pencemaran bau, tetapi sampai sekarang tiada sebarang tindakan dilakukan," katanya ketika ditemui di Kampung Tok Bedu.

Tinjauan mendapati pencemaran Sungai Kereh berpunca akibat pelepasan najis babi dari ladang ternakan dekat Kampung Selamat. Memburukkan keadaan, kawasan itu juga sering terjejas dengan banjir mengakibatkan kesan besar kepada Kampung Pokok Machang, Kampung Lubuk Merian, Kampung Tonsu, Kampung Lahar Yooi, Kampung Sungai Korok dan Kampung Seberang Tok Dol.

Difahamkan, ada 74 kandang membatikan 100,000 babi di kawasan berkenaan.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penternak Babi Pulau Pinang,

Wong Sook Ping berkata, isu pencemaran itu sudah lama berlaku dan sering mendapat aduan penduduk.

"Saya ambil maklum aduan itu dan berusaha mencari penyelesaian sehingga kerajaan negeri memperkenankan Enakmen Penternakan Babi 2016 bagi menjadikan sistem penternakan secara tradisional digantikan kepada sistem moden.

"Saya seahut serpuah itu kerana tidak mahu memertingkan diri. Ini kerana jika penternak babi tidak ikut undang-undang sampai bila pun masalah pencemaran tidak selesai," katanya.

Katanya, dia menyeru semua penternak babi tradisional mengubah kepada sistem moden sebelum undang-undang dikuatkuasakan. Beliau berkata, penternak babi Pulau Pinang perlu penuhya pada

"Jangan bagi penduduk marah terhadap penternak babi dan mereka perlu menjaga perasaan orang lain," katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB), Datuk Rozali Mohamad berkata, pihak berkuasa ternakan (PBT) memandang serius pencemaran sungai berkenaan hingga kerajaan negeri meluluskan enakmen berkenaan.

"Enakmen Penternakan Babi dikuatkuasakan pada 1 Januari 2022. Apabila tiba tarikh itu maka tiada lagi sistem penternakan babi secara terbuka dibenarkan.

"Pada masa ini, penternak diberi moratorium dan dikehendaki mengemukakan pelan kandang babi tertutup sebelum 31 Disember 2020 selain penternak juga diberi tempoh membina ladang tertutup sebelum 31 Disember 2021," katanya.

Enakmen Penternakan Babi dikuatkuasakan pada 1 Januari 2022